

tidak mahu menambah pekerja-pekerja kerana tiap-tiap tambahan pekerja-ertinya menambahkan bebanan dan pikulan kepada mereka?

Mudah-mudahan makalah ini diperhatikan oleh jabatan-jabatan yang berkenaan supaya pertadbiran negeri dijalankan tidak berat sebelah – tidak menghidupkan kesenangan kepada satu pihak, kelapangan kepada satu pihak, tetapi membebankan, menzalimkan kepada satu pihak yang lain. Kalau hanya untuk kesenangan buruh yang difikirkan dan yang demikian itu diambil daripada cara-cara di Barat maka kita berkeyakinan yang demikian itu tidak sesuai dengan kedudukan di Singapura ini kerana di sini pekerjaan-pekerjaan itu hanya dijalankan yang terbanyaknya oleh perusahaan-perusahaan kecil, yang mempunyai pekerja dan sifat tanggungjawab pekerja-pekerja itu pula tidak sama dan tidak serupa dengan sifat pekerja-pekerja di Barat.

Di sebalik itu, perhubungan di antara majikan dan pekerja-pekerja kecil itu lazimnya mempunyai *tradition* (kebiasaan), tiap-tiap tuan punya perusahaan-perusahaan kecil itu tahun-tahun mengadakan hadiah-hadiah kepada kakitangannya dengan kadar dan daya upaya mereka terutama dalam menyambut hari-hari besar mereka. Kebiasaan ini harus akan hilang dan harus akan hapus sekiranya kerajaan memaksa mereka menjalankan satu peraturan baru yang memberatkan tanggungan dan bebanan mereka.

Kerana itu kita berharap bahawa kerajaan Singapura khususnya kalau mahu menjalankan sesuatu peraturan janganlah peraturan itu memberatkan sesuatu pihak dan pihak yang diberatkan itu pula hendaklah dicarikan sesuatu jalan atau suatu cara untuk menyelamatkan dan mengurangkan tanggungan mereka dengan mengadakan bantuan-bantuan lain supaya perkembangan di antara pekerja dengan majikan kecil itu lebih luas. Sekiranya tidak diadakan bantuan yang demikian ita berkeyakinan bahawa tempat-tempat kosong, tempat-tempat

melatih pekerja-pekerja untuk belajar di tempat perusahaan kecil itu tidak akan ada peluang-peluang yang diberikan oleh mereka.

\* \* \*

### **Bantuan kepada ekonomi Melayu**

Di Singapura khususnya dan di Persekutuan Tanah Melayu umumnya kalau terjadi sesuatu pertelingkahan dan jika ada sesuatu himpunan orang-orang Melayu bangkit maka pada saat itu timbullah kata-kata yang lemak manis daripada pimpinan-pimpinan asing tidak terkecuali yang duduk di dalam pemerintahan sekalipun.

Di Singapura dahulu apabila timbul sesuatu bantahan, terhadap rancangan kemerdekaan, yang dikelolakan oleh orang-orang Melayu sebagai anak tanah air negeri ini maka timbullah janji-janji yang menyedapkan hati dan pandangan orang-orang Melayu, dengan mengatakan bahawa mereka tidak melupakan hak-hak Melayu itu dan mereka juga berjanji akan membantu ekonomi orang-orang Melayu.

Apabila perkara-perkara yang demikian itu sunyi sepi semula akan janji-janji yang diberi itu pun tidak pula kedengaran dan berjalanlah pertadbiran ekonomi itu dengan semahu-mahunya dan orang-orang Melayu yang diberi janji tadi tinggallah menerima janji sahaja. Tidak ada suatu langkah yang diambil untuk membantu dan menghidupkan usaha-usaha Melayu yang dijalankan atau diamalkan sebagaimana yang dikatakan oleh mereka.

Di dalam apa jenis perusahaan pun, sama ada di Singapura atau di Persekutuan Tanah Melayu, janji-janji untuk membantu ekonomi orang Melayu itu adalah tinggal janji-janji belaka. Apapun langkah yang ada jasanya daripada orang-orang Melayu akhirnya yang mendapat faedahnya bukan daripada bangsa Melayu sendiri tetapi perusahaan bangsa asing dan bangsa penjajah.

Umpamanya kalau kita lihat perkembangan di dalam bahasa Melayu maka kita yakin bahawa kita tidak dapat menafikan

bahawa penerbitan-penerbitan dan wartawan-wartawan di Singapura ini sangat besar jasanya di dalam usaha-usaha perkembangan itu sehingga bahasa Melayu diakui akan menjadi bahasa rasmi Persekutuan Tanah Melayu dan dicita-citakan akan menjadi bahasa utama di Singapura ini.

Tetapi adalah menjadi suatu pertanyaan kepada orang-orang Melayu sendiri, terutamanya di Persekutuan Tanah Melayu, apabila mereka memandang dan menatap buku-buku pelajaran bahasa Melayu yang digunakan di sekolah-sekolah di seluruh Tanah Melayu dan Singapura ini, tidak ada sebuah pun yang dicetak oleh perusahaan Melayu. Yang demikian orang-orang Melayu bertanya: Apakah disengaja atau apakah dilupakan janji-janji yang diberi untuk membantu ekonomi Melayu itu kerana tidak sebuah pun perusahaan Melayu yang mendapat segala upahan cetak daripada Pejabat Pelajaran itu? Ini adalah sangat menyakitkan hati bagi orang-orang Melayu. Melihat kepada mutu buku-buku yang diterbitkan itu kita memandang bahawa orang-orang Melayu dan percetakan Melayu hari ini boleh bertanding dengan mereka asalkan sahaja peluang-peluang diberi kepada mereka. Seharusnya peluang-peluang diberi kepada percetakan-percetakan Melayu dengan diberi pula panduan dan bantuan yang sewajarnya untuk melariskan perusahaan percetakan Melayu itu setanding, sekedudukan dengan perusahaan-perusahaan asing atau perusahaan-perusahaan yang dimulai oleh orang-orang barat.

Tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan percetakan-percetakan Melayu tidak mempunyai cukup modal dan alat-alat yang lengkap, tetapi yang demikian itu, jika sekiranya ada cita-cita untuk membantu perusahaan-perusahaan Melayu tidaklah akan menjadi sebab kenapa maka mereka tidak boleh sekedudukan dengan bangsa asing.

Kita tidak mengetahui mengapa maka pejabat itu membelakangkan dan tidak mengendahkan usaha-usaha percetakan Melayu seluruh Semenanjung Tanah Melayu ini. Boleh jadi

orang-orang yang memutuskan tender-tender itu di sana tidak ada orang Melayu atau pun orang di sana hanya ada orang-orang yang tidak suka perusahaan Melayu kembang. Kita bawa contoh ini untuk menjadi salah satu contoh kepada perkara-perkara yang boleh memberi peluang kepada perkembangan dan kemajuan ekonomi orang-orang Melayu.

Sempadan di antara Singapura dan Federation di dalam perkembangan ekonomi Melayu tidaklah hendaknya dipisahkan terutamanya yang mengenai dengan perkembangan bahasa yang diusahakan oleh penerbit-penerbit Melayu dengan bertungkus lumus di Singapura ini dan akan dihilangkan begitu sahaja dengan kerana terbitnya sempadan yang dibuat untuk menegakkan muslihat pihak dan perkauman yang timbul kerananya. Bermilion-milion wang telah digunakan untuk mencetak sehingga bagi bacaan sekolah-sekolah Melayu tetapi tidak satu sen pun percetakan buku-buu itu pernah diberikan kepada perusahaan percetakan orang-orang Melayu.

Mudah-mudahan hal ini menjadi perhatian pemimpin-pemimpin Melayu yang di Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura ini, supaya mengadakan kesempatan, memberi bahagian di dalam hal ini mengutamakan perusahaan-perusahaan Melayu sebelum diberikan kepada orang lain. Kalau mereka tidak sanggup maka barulah diberikan kepada orang lain. Berilah keluasan kepada mereka supaya dapat mereka bersaing dan membolehkan mereka kelak menjadi sebuah perusahaan yang setanding dengan perusahaan orang-orang lain di dalam tiap-tiap pekerjaannya – bukan kepada besarnya.

Kita tidak menulis rencana ini sekiranya kita tidak didesak oleh teman-teman di Persekutuan Tanah Melayu sendiri untuk meminta perhatian pihak-pihak yang berkenaan kepada percetakan Melayu yang menjadi salah satu daripada perusahaan yang berhajat kepada bantuan dan sokongan daripada kerajaan-kerajaan di mana tempat mereka berada.